



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT KALI KE-47 MENTERI-MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN ASEAN (AMAF) DAN MESYUARAT-MESYUARAT LAIN BERKAITAN

MANILA, FILIPINA, 2 OKTOBER 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengetuai delegasi Malaysia untuk menghadiri Mesyuarat kali ke-47 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN pada 1 Oktober 2025 di Hotel Conrad Manila, Filipina.

Mesyuarat AMAF merupakan mesyuarat berjadual yang membincangkan isu-isu berbangkit mengenai sektor pertanian dan perhutanan, khususnya dalam memperkukuhkan komitmen negara-negara anggota ASEAN (AMS) dalam kerjasama serantau berkaitan dengan agenda sekuriti makanan, pertanian dan perhutanan.

Mesyuarat kali ini telah menegaskan kepentingan supaya AMS menggiatkan lagi kolaborasi di bawah platform ASEAN dalam menangani cabaran dan merebut peluang dalam sektor pertanian dan perhutanan, khususnya bagi pembangunan kapasiti demi kemajuan sektor pertanian dan perhutanan masing-masing. Selaras itu juga, Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju untuk menerima pakai ASEAN Food, Agriculture and Forestry-Sectoral Plan (FAF-SP 2026-2030) sebagai dokumen rujukan utama bagi sektor FAF bagi tempoh lima tahun akan datang.

Selain itu, AMS turut bersetuju dengan dua (2) keutamaan keberhasilan ekonomi (PED) di bawah komitmen Kepengerusian ASEAN-Malaysia Tahun 2025 di bawah sektor makanan, pertanian dan perhutanan (FAF) iaitu:

- (i) ASEAN Leaders' Declaration on the Vision for Food, Agriculture, and Forestry Towards 2045; dan
- (ii) ASEAN Framework for Cooperation in Food, Agriculture, and Forestry Sector Towards 2045.

Kedua-dua dokumen ini akan diangkat untuk perakuan Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Oktober 2025.

YB Menteri turut mengambil peluang di sela-sela mesyuarat kali ini untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan negara tuan rumah, Filipina serta negara Jepun bagi membincangkan kerjasama sektor pertanian yang boleh diperluaskan untuk manfaat bersama. Delegasi YB Menteri ke Mesyuarat AMAF ke-47 dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan turut disertai oleh YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

